

SOALAN NO. 37**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. MOHD HATTA BIN MD.
RAMLI [KUALA KRAI]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2017

SOALAN :

YB Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI menyatakan sama ada pemberian RM 5 juta oleh Perdana Menteri kepada Yayasan Prihatin SPRM dibuat atas permintaan Ketua Pesuruhjaya SPRM.**

JAWAPAN: **YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang inisiatif peruntukan kepada Yayasan ini adalah bagi membolehkan Yayasan ini untuk melaksanakan pelbagai program dan aktiviti turun padang serta menjalankan siri-siri program kemasyarakatan yang mendatangkan manfaat kepada semua.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (38)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14 NOVEMBER 2017
[SELASA]

DARIPADA : YB. DATO' SRI WEE JECK SENG
[TANJONG PIAI]

SOALAN :-

YB. DATO' SRI WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah usaha penguatkuasaan Kementerian terhadap pekerja warga asing yang membuka perniagaan seperti kedai runcit atau telefon dan menggunakan lesen perniagaan atas nama orang lain.

71
Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil berat dan prihatin mengenai isu warga asing yang menjalankan perniagaan kecil menggunakan lesen milik warga tempatan.

Bagi membendung perkara ini dari terus berleluasa, KPKT telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan Pekeliling Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 30 Jun 2008.

Antara intipati yang ditekankan dalam pekeliling ini adalah dari segi penguatkuasaan terhadap perniagaan kecil iaitu:

- i. Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja;

- ii. Pemilik Permit hendaklah berada di tempat berniaga pada sepanjang masa;
- iii. Tindakan pembatalan Permit boleh diambil ke atas pemilik yang memindah Permit Perniagaan mereka kepada warga asing; dan
- iv. PBT boleh menyita serta merampas barang jualan serta merta tanpa perlu mengenakan amaran terlebih dahulu bagi perniagaan tanpa Permit/lesen.

Selain itu, PBT turut terlibat dengan tindakan penguatkuasaan operasi bersepadu bersama agensi Kerajaan yang lain seperti pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APAM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan sebagainya bagi membanteras peniaga kecil warga asing ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, KPKT tidak mempunyai maklumat menyeluruh daripada PBT mengenai jumlah tangkapan yang

dibuat. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklum balas daripada 5 PBT pada tahun 2016, sebanyak 26 bilangan operasi telah dijalankan dengan 4 lesen telah dibatalkan dan melibatkan 69 bilangan rampasan dan sitaan.

**Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Oktober 2017